

Pegawai kerajaan tak perlu ikut telunjuk ahli politik - Mahathir

UM 22 AUG 1985

KUALA LUMPUR 21 Ogos - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan para pegawai kerajaan tidak perlu mengikut telunjuk mana-mana ahli politik yang cuba menekan jika didapati kehendak mereka bertentangan dengan dasar kerajaan.

Katanya, para pegawai kerajaan yang menghadapi keadaan seumpama itu boleh membuat keputusan mengikut budibicara mereka sendiri.

"Jika ia berpendapat kehendak ahli politik berkenaan tidak seccocok dengan dasar kerajaan ia tidak perlu mengikut arahan yang tidak kena," kata Perdana Menteri ketika ditemui di waktu rehat Perhimpunan Agung UMNO hari ini.

Beliau telah diminta mengulas mengenai masalah tekanan politik yang dihadapi oleh para pegawai kerajaan dalam menjalankan tugas seperti yang ditimbulkan oleh bebe-

rapa orang perwakilan semasa perbahasan.

Baru-baru ini Pengerusi MARA, Haji Abdul Rahim Bakar telah mendedahkan salah satu sebab MARA sukar menagih hutang ialah kerana adanya tekanan dari "orang-orang atasan" ke atas para pegawai MARA.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, "jika benar, soal tekanan politik ke atas para pegawai kerajaan, tidak patut timbul."

Bagaimanapun, katanya secara keseluruhannya dalam soal ini adalah sukar bagi mana-mana pihak untuk membuat tanggapan am sama ada pegawai kerajaan baik atau ahli politik baik.

"Secara keseluruhan saya nampak tak boleh kata siapa yang betul dan siapa salah. Tuduh menuduh adalah perkara biasa. Misalnya dalam perhimpunan ini mereka tuduh pegawai kerajaan tidak buat kerja, ahli politik sahaja buat kerja.

"Ini adalah kritikan - kritikan biasa," ujarnya.

Sementara itu Perdana Menteri telah membidas Setiausaha Agung DAP, Encik Lim Kit Siang terhadap kenyataannya semalam mengingatkan Perhimpunan Agung UMNO jangan menumpukan soal kepentingan orang Melayu sahaja.

"Adakah beliau mengambil kira tentang orang-orang Melayu bila beliau bercakap?" tanya beliau.

Kepada teguran tokoh pembangkang itu terhadap usul Wanita UMNO supaya tempoh Dasar Ekonomi Baru dilanjutkan ke tahun 2000, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, "itu adalah pandangan kita."

"Kita adalah bebas untuk menyuarakan pandangan kita dan begitu juga beliau bebas menyuarakan pandangannya asalkan ia tidak berbentuk subversif," tegasnya.